

25/08/1997

Surat layang mahu jatuhkan Anwar: Mahathir

SHAH ALAM, Ahad - Fitnah. Itulah yang sifatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kandungan sepucuk surat yang mendakwa kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim terbabit dalam skandal seks.

Menurut Perdana Menteri, surat yang bermotifkan politik itu ditulis oleh pihak tertentu untuk mensabotaj dan menjatuhkan imej timbalannya apabila Anwar dilihat sebagai pemimpin yang akan menggantikannya.

"Yang nyata, sebab orang melihat dia akan menggantikan saya, maka ada percubaan dibuat untuk memberi gambaran yang tidak baik mengenai Anwar supaya dia tidak dapat menggantikan saya. Itu sahaja.

"Tidak ada kebenaran dalam dakwaan itu yang dibuat oleh orang tertentu melalui sepucuk surat.

"Tidak terdapat sebarang bukti dan ia adalah fitnah semata-mata.

"Saya tidak fikir ini akan menjejaskan imej Anwar, melainkan kalau semua orang begitu bodoh untuk mempercayai tuduhan tidak masuk akal itu terhadap Anwar," katanya selepas melepaskan peserta Karnival Merdeka Perlumbaan 300 kilometer Proton, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya pemberita mengenai khabar angin bahawa beliau ada menerima sepucuk surat baru-baru ini daripada seseorang yang mendakwa seorang menteri kanan kerajaan terbabit dalam skandal seks.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan tulisan surat itu, ada tanda-tanda ia ditulis lebih daripada seorang.

"Ada talkin untuk si polan-si polan. Jelas ini bermotif politik dan semuanya fitnah sahaja.

"Seseorang telah mendalangi penulisan surat ini sebab ia ditulis dengan bahasa yang sedikit di luar keupayaan salah seorang penulisnya.

"Yang ketara, ada pihak tertentu di keliling turut terbabit. Ia soal politik. Ia tidak benar sama sekali," katanya.

Sambil menjelaskan bahawa kes itu sudah selesai, Perdana Menteri berkata beliau ada menerima laporan siasatan kes berkenaan dan berpuas hati dengannya.

Perdana Menteri berkata, siasatan polis terhadap aduan itu mendapati tidak ada sebarang asas dan bukti menunjukkan Anwar terbabit.

(END)